

## IMEJ DALAM KOMUNIKASI FOTOGRAFI FESYEN MELAYU

**Afendi Md Shas Md Khaled**

Fakulti Komunikasi Seni Visual Dan Pengkomputeran Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Malaysia

**Nadzri Mohd Sharif**

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Kampus Bandaraya Melaka 110 Off Jalan Hang Tuah, 75350 Melaka

*Corresponding Author's Email: fendifashas@unisel.edu.my*

**Article history:**

*Received: (15 Oktober 2023)*

*Accepted: (1 November 2023)*

*Published: (30 Disember 2023)*

### ABSTRAK

Fesyen merujuk kepada penampilan gaya dan menjurus kepada pakaian digayakan seseorang. Secara teknikal, ia merujuk kepada busana peragaan dipentas fesyen yang digayakan oleh model hasil rekaan pereka fesyen. Busana yang diilhamkan tersebut menjadi ikutan seandainya dapat menarik perhatian umum yang dipengaruhi oleh pempengaruh melalui media sosial. Imej fotografi dihasilkan oleh jurugambar melalui saluran media cetak atau elektronik bertujuan untuk mempromosi produk fesyen bukan sahaja berkaitan busana, ianya juga meliputi gaya serta trend semasa dengan bersandarkan konsep penerbit media atau produk berdasarkan sasaran pengguna. Kemasukan dan keterbukaan masyarakat masa kini dengan penyebaran melalui media cetak dan elektronik, konsep lagu dan muzik video terkini yang dapat di layari melalui internet sentiasa memaparkan maklumat terkini dengan pantas. Sumber yang serba pantas ini memberi ilham dan mampu mempengaruhi trend fashion yang menjadi ikutan umum. Kajian ini bertujuan mengkaji impak penghasilan imej potret dalam fotografi fesyen memberi inspirasi kepada masyarakat, pengolahan konsep media dapat mempengaruhi pengguna melalui komunikasi visual dengan budaya keindahan Melayu nusantara, etika Melayu Islam serta usaha-usaha untuk memelihara dan mendidik belia mengenai budaya Melayu Malaysia, terutamanya dalam faktor-faktor yang berpakaian dan memelihara pakaian tradisional yang menjadi satu simbol bangsa Melayu. Penyelidikan ini akan di mulakan dengan tinjauan awal menggunakan kaedah mengumpul data melalui temu bual serta pemerhatian sepanjang gerak kerja menglibatkan fotografi fesyen bersama profesional dalam industri dengan menjalankan kajian lapangan untuk mengkaji fenomena fotografi fesyen serta trend fesyen melaya.

**Kata Kunci:** *Teknik Fotografi, Fotografi Fesyen, Fotografi Pengiklanan, Komunikasi Visual*

## Pengenalan

Imej fotografi merupakan medium komunikasi dalam menyampaikan maklumat kepada umum dalam bentuk abstrak atau secara terus seperti maklumat untuk pengiklanan, dokumentari serta seni halus. Ianya bertujuan berkongsi maklumat atau menyampaikan info terhadap sesuatu produk atau peristiwa. Perkembangan komunikasi penyampaian dalam era terkini menerusi cetakan analog atau elektronik serta sebaran melalui *platform* media sosial menjadi kemestian bertujuan untuk menyampaikan maklumat dan informasi dengan menggunakan imej fotografi pegun atau visual video pendek.

Penghasilan imej fotografi melalui fasa analog penemuannya bermula dengan hasil tembusan cahaya untuk lakaran dan melalui explorasi penemuan dan penciptaan bahan-bahan kimia dan menggabungkan teknologi ciptaan mengikut era dan zaman bermula dengan kamera lubang jarum terciptanya sebuah seni fotografi dan teknik serta bahan tertentu seperti *daguerreotype*, plat silver, kamera pelbagai format, filem hitam putih, filem warna, kewujudan dan penciptaan digital camera bertujuan untuk permudahkan urusan penyampaian sehingga kini proses fotografi wujud teknologi baharu iaitu kepintaran buatan (AI) dan perisian digital. Louis Jacques Mande Daquerre merupakan bapa fotografi dunia (1837). Kamera Obscura merupakan kamera yang pertama kali dipakai untuk menggambarkan potret. Obscura telah diubahsuai sehinggalah tercipta kamera Kodak (Eastman Kodak) pertama kali ditemukan oleh *Snapshooter* 1888 di Amerika.

Fesyen fotografi merupakan bidang popular dalam seni fotografi. Mula digunakan semasa penggunaan dalam menghasilkan majalah. Fesyen boleh ditakrifkan sebagai keindahan, kecantikan dari dalam, keindahan keperibadian individu boleh disesuaikan melalui seni fotografi. Fesyen Menurut Malcolm Barnard (2002) fesyen pakaian utama adalah untuk menunjukkan personaliti dan identiti. Thomas Carlyle menyatakan ‘tidak hairanlah bahawa fesyen menyatakan lambang jiwa’. Menurut Cynthia Durcanin (Majalah Elle) (1998) Fesyen keadaan akal fikiran, roh, lanjutan diri sendiri, keselesaan dengan diri anda, menterjemahkan keyakinan diri ke dalam gaya peribadi.

Fesyen adalah simbol atau tanda-tanda bahasa iconographic dan komunikasi bukan lisan dalam kelompok atau individu. Pauline Weston Thomas (2004) pereka fesyen, fotografi fesyen tidak hanya fotografi mana-mana, ia berhubung mengandungi gambar berita atau snapshot. Roland Barthes (1990) Sistem Fesyen, fesyen fotografi secara tradisinya dianggap sebagai amalan yang kurang penting. Ia menutup hubungan kepada imperatif ekonomi perolehan fesyen gambar membuat imej kecemerlangan setanding sementara. Rosetta Brooke (1980) fotografi fesyen adalah teknik rakaman dan imej kekal, menawan dan pemeliharaan pola rangsangan fizikal ke atas lapisan bahan sensitiviti bahan fotografi. Ia melibatkan rakaman bentuk cahaya seperti yang dicerminkan daripada objek kepada bahasa pengantar yang sensitif melalui pendedahan seketika. Proses ini dilakukan melalui mekanikal, kimia atau peranti digital yang dikenali sebagai kamera.

Berdasarkan maklumat penyelidikan awal yang diperolehi hasil temu bual dan pemerhatian di sekitar Kuala Lumpur berkenaan trend dan gaya fesyen dilakukan ke atas anak-anak muda yang berusia antara 15 tahun hingga 25 tahun. Mendapat kurang pendedahan berkenaan fesyen tradisional Melayu seperti pengayaan songket dan batik serta budaya tradisi terutamanya fesyen tradisional Malaysia. Antara lain dapatan yang diperolehi kebanyakan belia terdedah dengan budaya luar seperti pengaruh fesyen K-pop, karakter anime serta fesyen yang dibawa oleh pempengaruh media sosial yang kebanyakannya mengayakan fesyen terkini global yang tidak menggambarkan budaya Melayu. Kemasukan dan keterbukaan masyarakat masa kini dengan penyebaran melalui media cetak dan elektronik, konsep lagu dan muzik video terkini yang dapat di lihat melalui internet, majalah yang sentiasa memaparkan maklumat terbaru dan

terkini dan banyak lagi. Dari sumber ini penggemar dan pembaca mendapat ilham dan rujukan melalui medium yang di perolehi sekitar mereka melalui platform media sosial atau media cetak.

Kajian ini dijalankan berdasarkan trend dan gaya yang mempengaruhi fesyen Melayu tradisional. Kempen kesedaran dengan menggunakan medium fotografi fesyen bertemakan Melayu tradisional dengan mengayakan busana Melayu dengan melibatkan pereka fesyen di Malaysia. Kajian akan dilakukan dengan membuat temu bual bersama penggiat seni fesyen, editor fesyen, jurugambar bersandarkan kepada keindahan Melayu, budaya Melayu, etika Islam serta usaha-usaha untuk memelihara dan mendidik belia mengenai budaya nusantara, terutamanya dalam elemen berpakaian dan memperkasa budaya tradisional bangsa Melayu nusantara seperti songket dan batik.

## KAJIAN LITERATUR

### Fotografi

Fotografi merupakan sebuah kesenian yang tercipta dengan menggabungkan unsur melibatkan sains dan teknologi dengan pelbagai kemungkinan bermula dari era penemuan asal hingga kini. Secara dasar maksud fotografi adalah melukis menggunakan cahaya dilihat dari penemuan asal sejarah penciptaan, melibatkan unsur bahan kimia dalam sains, pengiraan jarak, teori cahaya dan warna, gabungan unsur mekanikal dan elektronik, teknologi kod perisian, serta sebagai salah satu wadah komunikasi yang melibatkan teori komunikasi visual.

Secara teknikal, fotografi melakar menggunakan cahaya biasan elektronik atau semulajadi bergantung pada masa dan lokasi. Dengan adanya peralatan merakam gambar seperti kamera dan kamera video pelbagai format serta yang subjek teknik mengambil gambar akan dilakukan dengan pelbagai tujuan. Pemilihan format kamera sangat penting untuk menghasilkan gambar yang berkualiti bergantung kepada keperluan dan kehendak individu. Dalam kontak teknikal, setiap individu perlu memahami keupayaan dan teknikal asas penggunaan dan pengendalian kamera melibatkan badan kamera, lensa, pengatup, dedahan, teori cahaya. Fotografi merupakan satu medium yang merangkumi aspek teknikal dan informatif yang berkait rapat memainkan peranan penting dalam menyampaikan perhubungan sosial dan membina ruang interpersonal (Vilém Flusser, 1973). Dalam aspek teknikal, ia meliputi pengendalian asas fotografi seperti pengendalian teknik kamera, pencahayaan, dan elemen komposisi sudut dan ruang semasa dan selepas sesi fotografi dijalankan berdasarkan tema dan pengayaan tertentu.

Kewujudan peranti yang mampu merakam gambar secara pegun serta format video yang mengandungi kepelbagaian aplikasi perisian dengan bantuan kepintaran buatan (AI) menjadikan fotografi sebagai kemestian umum. Perkembangan platform media sosial berkembang dengan maju dengan kepelbagaian kesan dan fungsi untuk berkomunikasi seantero dunia. Imej yang di rakamkan akan dimuat turun ke media sosial untuk dikongsi bersama. Komunikasi melalui visual berkembang dengan kemajuan teknologi peranti pelbagai jenama, bersandarkan kandungan *content* yang di sampaikan. Persoalan di sini, adakah mereka merakam gambar atau mengambil gambar secara terus tanpa menggunakan aplikasi atau kesan khas pada peranti seperti aplikasi perisian warna, cahaya atau aplikasi tambahan. Perkongsian dalam media sosial boleh dikategorikan sebagai menyampaikan maklumat khusus kejadian yang di alami dengan merakam gambar menggunakan peranti. Secara langsung, perkongsian tersebut akan berinteraksi antara penonton atau pengikut media sosial pempamer.

## **Fotografi Dan Komunikasi**

Fotografi adalah medium penyebaran maklumat meliputi medium komunikasi fakta, idea dan seni kreatif dalam penyampaian melalui visual menurut Ansel Adam. Fotografi ialah medium ekspresi dan komunikasi yang berkuasa, yang menawarkan pelbagai persepsi, tafsiran dan pelaksanaan yang tidak terhingga. Menurut Bamford (2003) komunikasi visual adalah satu proses menghantar mesej melalui imej, ia berkaitan dengan literasi visual yang keupayaan untuk membina makna daripada imej visual. Fotografi adalah medium komunikasi visual, ini disokong oleh Curl (1979) bahawa gambar membuat pernyataan literal iaitu objek kelihatan seperti momen tertentu. Oleh itu, beliau menyatakan gambar itu mungkin bercakap dengan fasih tentang tekstur, garisan, jisim, kesimbangan, cahaya dan warna. Maeda (2006) menegaskan kesederhanaan dalam komunikasi visual adalah tentang unsur penolakan dan penambahan unsur yang bermakna. Kenyataan beliau disokong oleh Moriarty (1994) menyatakan bahawa gambar adalah komunikasi visual dan dikenali sebagai bahasa lisan.

Menghasilkan gambar melibatkan faktor tertentu penilaian awal serta apa yang difikirkan dalam minda untuk merakam visual. Pemerhatian dari element sudut, komposisi subjek, teori cahaya dari kesan pantulan, warna hingga element teknikal. Proses mengambil gambar melibatkan komunikasi visual yang mampu memberi kesan dan menarik perhatian kepada umum melibatkan emosi. Komunikasi melibatkan perbuatan secara lisan, interpersonal, bukan lisan, bertulis, visual, dan mendengar. Lisan merangkumi sebarang pertuturan lisan dan interpersonal melibatkan komunikasi lisan dan bukan lisan. Dalam menghasilkan gambar dalam fotografi, untuk mencapai komunikasi tertentu, jurugambar perlu berinteraksi dan memberi maklumbalas pada aspek luaran yang ada di sekitar lingkungannya. Hasil tindak balas jurugambar dari persekitaran sekeliling boleh dalam bentuk menghasilkan gambar yang mengandungi nilai dan harapan tertentu. (Galer, 2002). Penghasilan gambar melibatkan emosi dan jiwa yang mampu mencipta memori bagi yang melihat atau yang merakam. Tujuan dan peranan gambar ini berpunca untuk mencipta memori yang mampu diingati sepanjang zaman(Jamason chen 2023).

Selain itu, Schille (2008) fotografi adalah bahasa dan merupakan sebahagian daripada budaya visual; gambar digunakan untuk merentasi masyarakat untuk tujuan yang pelbagai dari ingatan peribadi kepada cara komunikasi antarabangsa. Devito (2005) menjelaskan bahawa saluran komunikasi ialah medium melalui makna atau maksud informasi. Ia berkaitan dengan literasi visual berpunca daripada tanggapan imej dan simbol yang boleh dibaca. Literasi visual ialah satu kajian yang membincangkan perkara yang boleh dilihat dan bagaimana kita mentafsir apa yang kita lihat. Menurut Frank (2008) proses komunikasi dengan gambar boleh membuat lebih mudah daripada perkataan.

Dalam menghasilkan imej fotografi jurugambar akan menganalisis dan menggambar imej tersebut di dalam minda dan fikiran mereka yang mampu diabadikan selamanya sebagai sebuah memori yang mampu menarik pengguna. Proses awal melibatkan kognitif melibatkan jiwa dan minda pemikiran dan dilengkapi dengan perbuatan yang pada dasarnya visual tersebut digambarkan menerusi fikiran idea dan diadaptasikan dalam bentuk visual menggunakan peranti tertentu. Mengambil gambar dan membuat gambar, proses ini adalah dua perbuatan berbeza yang sarat dengan pemahaman yang mampu mempengaruhi minda seseorang.

## **Potret Dan Fotografi Fesyen**

Potret dan fotografi fesyen adalah teknik yang paling popular dari pencipta awal hingga sekarang. Definisi potret adalah momen yang menangkap termasuk alat teknikal, personaliti subjek dengan emosi sendiri, keraguan diri dan nilai artistik. Rosetta (2010) menyatakan fotografi fesyen ialah satu genre fotografi yang dikhaskan dalam mempamerkan sesuatu kain dan barang fesyen yang lain. Dalam perspektif lain fotografi fesyen sering digunakan untuk iklan

atau majalah fesyen untuk mewujudkan kesedaran dalam mewakili sesuatu fesyen itu kepada khalayak. Baron Adolphe de Meyer telah dikreditkan sebagai jurugambar fesyen pertama untuk majalah American Vogue pada tahun 1913. Biasanya fotografi fesyen boleh dilakukan dengan sentuhan komersial atau estetik dan cenderung diambil dalam kawasan eksotik dengan pencahayaan dramatik. Ia bergantung kepada konsep sesuatu idea. Beberapa penggambaran fesyen boleh dilakukan dalam sesi studio atau luar.

Ia berkaitan dengan gaya dan trend semasa, melalui fotografi fesyen, maklumat boleh diungkapkan kepada penonton secara tidak langsung. Sifat fotografi fesyen adalah komunikasi dengan subjek kepada penonton, fesyen diakui sebagai bahasa budaya gaya. Rhodes (2003) menyatakan dengan cara yang tinggi, di mana produk dipasarkan kepada beberapa orang terpilih kerana kosnya, tetapi imej identiti yang disambungkan kepada produk tersebut dipromosikan kepada khalayak luas melalui majalah dan penempatan produk.

Berdasarkan temu bual yang diadakan dengan perbincangan dengan beberapa individu dalam industri seperti jurugambar, editor fesyen, pengarah seni, penata gaya dan pereka fesyen, menyatakan pandangan serta pendapat. Menurut pereka fesyen tempatan, Albert King (2011) menyatakan ‘fesyen adalah personaliti yang dikenangkan melalui pakaian yang dipakai, gaya yang dibawa dan keindahan di luar dan dalam’. Adnan Wirda (2011) editor majalah WW mentafsirkan ‘fesyen adalah apa yang dilakukan setiap hari, dari segi pakaian, cara duduk, cara berbicara, hiasan rumah dan lain-lain’.



Illustrasi 1: Muka hadapan majalah Glam bertemakan merdeka di hasilkan pada Ogos 2010, mengabungkan 3 model berlainan bangsa serta mengayakan konsep suai dan padan batik moden.

### Pengiklanan Fesyen

Komersial dan pengiklanan menggunakan fotografi sebagai medium mempromosi produk pengiklanan. Fesyen dan potret banyak membantu dalam mempromosikan produk dengan mengupah beberapa selebriti sebagai duta besar. Dalam industri fesyen, pereka menggunakan model yang cantik atau bakat ditugaskan mempromosikan reka bentuk dengan konsep dan tema yang berbeza. ‘Ia bermula dengan konsep. Saya menganggap diri saya seorang jurugambar


konseptual. Saya ingin menyampaikan unsur-unsur ghaib dalam personaliti' Art Kane seorang jurugambar fesyen dan muzik Amerika yang aktif dari tahun 1950-an hingga awal 1990-an. Menurut Gillian (1999) menyatakan bahawa pengiklanan bermaksud menarik perhatian kepada sesuatu atau memberitahu atau memaklumkan seseorang kepada seseorang. Melanjutkan perkara ini, Ajay (2008) menyatakan bahawa pengiklanan memberi khidmat kepada pengguna dan khalayak sebagai leksikon makna budaya semasa. Fotografi sesuai untuk menjual produk; ia adalah sistem yang tidak rasional, yang menarik kepada emosi dan perasaan anti sosial kita. Paul (1999) menyatakan bahawa perkara yang paling penting ialah mendapatkan maklumat sebanyak mungkin dalam satu gambar. Williams (1989) berpendapat bahawa visual dalam iklan hampir tidak mengetahui medium bahasa fotografi yang telah dicipta untuk menyampaikan mesej komersial.

Pengiklanan fesyen ialah satu cabang dalam bidang pengiklanan, yang memberi tumpuan kepada mencipta promosi untuk industri fesyen. Industri fesyen mempunyai beberapa keperluan unik dari perspektif promosi yang boleh menjadikannya mencabar dan menarik untuk bekerja sebagai pempengaruh, dan beberapa kempen pengiklanan yang paling terkenal dalam sejarah ialah kempen untuk butik fesyen utama. Iklan cetak muncul dalam majalah dan akhbar di pasaran fesyen utama seperti New York City dan Paris.

Media massa memainkan peranan penting dalam menyebarkan trend fesyen kepada masyarakat. Kadangkala, fotografi fesyen mengubah persepsi orang, mempengaruhi nilai dan kepercayaan mereka, cara mereka berfikir dan juga boleh mempengaruhi gaya hidup mereka. Kini penggunaan platform digital dengan penggunaan aplikasi media sosial menjadikan sebaran maklumat semakin berkembang dengan mudah. Oleh itu, kebanyakan penonton semakin keliru dengan adab dan etika dalam konteks pakaian fesyen. Di samping itu dengan kelakuan dan tingkah laku juga telah berubah dengan pengaruh budaya barat. Malaysia adalah sebuah negara Islam dengan kumpulan-kumpulan etnik yang pelbagai. Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India dan lain-lain di Sabah dan Sarawak mempunyai budaya dan adat resam yang berbeza. Bangsa Melayu umat Islam keliru dengan budaya dan adat mereka sendiri.

### **Metodologi kajian**

Kajian ini, kaedah campuran dengan menggunakan kedua-dua kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif, paradigma pragmatisme menggunakan kedua-dua *positivisme* dan *interpretivism* untuk mencari jawapan kepada masalah yang dibincangkan. Beberapa proses akan digunakan sepanjang pencarian dan mengumpul data dengan menggunakan kajian lapangan untuk mengkaji fenomena fotografi fesyen serta trend fesyen Melayu. Penyelidikan ini akan dimulakan dengan tinjauan awal menggunakan kaedah mengumpul data melalui temu bual serta pemerhatian sepanjang gerak kerja melibatkan fotografi fesyen bersama profesional dalam industri, seperti jurugambar, editor majalah fesyen, pereka fesyen, pereka grafik, pengarah seni, dan pembaca. Kemudian, pengkaji akan mencipta instrumen berdasarkan data yang dikumpul daripada kajian asal dan mengumpul data melalui perbincangan kumpulan fokus untuk menentukan arah seni, komponen gaya dan trend busana Melayu akan diperkasakan dalam menghasilkan fotografi fesyen Melayu.



Rajah 1. Cadangan kerangka konsep penyelidikan trend fesyen Melayu

### Dapatan

Dalam bahagian ini, pengkaji menumpukan pada kriteria membuat imej untuk fotografi fesyen Melayu, termasuk kaedah dan objektif di sebalik penciptaan imej tersebut. Proses kerja dan gerakan bermula dengan pemilihan konsep pakaian, konsep fotografi dari segi pencahayaan, jurugaya, dandan dan rambut serta solekan yang digunakan semasa sesi fotografi bagi menyampaikan visual berkisarkan budaya Melayu. Menurut Rosetta (2010), fotografi fesyen adalah cabang yang memfokuskan kepada penggambaran imej pakaian atau aksesori (pada model atau bersendirian) untuk diterbitkan bagi tatapan umum. Fotografi fesyen ramai beranggapan pecahan seni foto yang paling mudah dengan hanya merakam potret model dengan busana dan aksesori tertentu jika di lihat dari sudut berbeza, fotografi fesyen merupakan element komunikasi dengan menyampaikan sosio-budaya dan tradisi.

Dalam temubual bersama Wei Chun (2023) pengarah seni yang banyak menghasilkan karya muka hadapan majalah serta fesyen komersial, budaya dan fesyen saling berkait dan memerlukan antara satu sama lain dan ianya merupakan medium komunikasi dalam penyampaian secara lisan. Ujarnya model warga tempatan Melayu menggayakan busana bangsa Melayu akan nampak lebih indah dengan keaslian yang dipaparkan dan model warga selain Melayu akan memberi impak berbeza penerimaannya oleh pembaca di semua platform media atas faktor penerimaan dan secara langsung mempromosi budaya di pentas luar.



Illustrasi 2 : Imej fotografi yang di hasilkan majalah Glam bertemakan kebaya moden. Gambar oleh Bustamam Mokhtar, Penata Gaya oleh Wei Chun

Pengaruh lain mengenai masalah kekurangan promosi dalam memperkenalkan, mengekalkan dan memelihara budaya dan tradisi bangsa Melayu. Kekurangan promosi juga mempengaruhi masalah kenaikan harga kain ini tidak terkawal. Ini adalah kerana kain tradisional seperti songket dan batik dipakai semasa majlis rasmi dan acara-acara khas sahaja. Pakaian seperti baju kurung, baju Melayu, baju kebaya, melambung harga semasa musim perayaan. Malah kini digunakan sebagai pakaian songket dan batik digunakan semasa majlis rasmi seperti majlis perkahwinan yang kurang dipakai dan di gayakan. Konsep kontemporari, moden dan fleksibel pilihan di kalangan pengguna. Kesan dari itu, minggu fesyen yang di anjurkan oleh Islamic Fashion Festival (IFF) hasil usaha Dato' Raja Rezza Shah antara misi IFF adalah untuk membina kesedaran dan penghargaan terhadap keindahan dan kepelbagaiannya yang wujud dalam fesyen dan budaya Islam.

Pemanasan global yang sedang berlaku mempengaruhi *trend* dan fesyen semasa di seluruh dunia tidak terkecuali juga mempengaruhi semua penduduk di Malaysia. Nik Nazmi (2023) Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Malaysia menyarankan atas faktor cuaca serta faktor penjimatatan saranan untuk menggunakan busana batik sedang diperkasakan dengan menyarankan semua anggota penjawat awam menggayakan busana batik mengikut kesesuaian dan mewajibkan pemakaian tersebut pada setiap hari khamis serta digalakkan pada setiap hari. Secara tidak langsung busana batik tersebut melambangkan identiti Malaysia dapat membudayakan trend pakaian tersebut. Oleh itu, pembudayaan tersebut secara tidak langsung akan mencipta satu revolusi dalam industri fesyen dan tidak mustahil pereka fesyen tempatan akan reka fesyen batik tersebut dengan busana Melayu seperti baju kebaya, baju kurung serta baju Melayu.

## Kesimpulan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mendedahkan penemuan yang dikumpul melalui sesi temu bual bersama jurugambar, editor fesyen, pereka fesyen dan pengarah seni yang menghasilkan imej sesi fotografi mereka akan di selidik mengenai gerak kerja dan peranan mengikut konsep bertemakan Melayu. Kajian ini bertujuan mengkaji impak penghasilan imej potret dalam fotografi fesyen memberi inspirasi kepada masyarakat, pengolahan konsep media dapat mempengaruhi pengguna melalui komunikasi visual dengan budaya keindahan Melayu nusantara, etika Melayu Islam serta usaha-usaha untuk memelihara dan mendidik belia mengenai budaya Melayu Malaysia, terutamanya dalam faktor-faktor yang berpakaian dan memelihara pakaian tradisional yang menjadi satu simbol bangsa Melayu.

## Penghargaan

Puji syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas limpahan rahmatnya sehingga saya dapat menyelesaikan laporan ini. Semasa menjalani projek ini saya telah dibantu oleh ramai orang. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Melaka, Malaysia, atas bantuan yang diberikan. Saya merakamkan penghargaan saya kepada, Dr Nadzri Mohd Sharif atas tunjuk ajar yang baik dan berkemampuan untuk menyiapkan penyelidikan ini. Sokongan yang konsisten dan bimbingan intelektual membuatkan saya bertentara dan berinovasi idea baharu. Dengan semangat, inspirasi dan usaha yang hebat untuk menerangkan perkara dengan jelas dan ringkas, membantu memudahkan saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli keluarga saya terutamanya isteri dan anak saya atas segala kasih sayang dan sokongan mereka sepanjang tahun, yang telah menjadi sumber dorongan dan inspirasi kepada saya sepanjang hidup saya. Tanpa mereka saya tidak akan menyelesaikan kajian ini. Akhir kata, terima kasih kepada semua warga

fakulti (Jabatan Seni Visual) atas segala bantuan dan sokongan yang berterusan sepanjang perjalanan.

## RUJUKAN

- Luis D. M. A., & Gabriela J. G. (2021). A Brief Conceptualization of Fashion Photography: Situating Ourselves in the Current Context [Review of A Brief Conceptualization of Fashion Photography: Situating Ourselves in the Current Context]. International Journal of Arts Humanities and Social Sciences Studies, 6(4). [www.ijahss.com](http://www.ijahss.com)
- Anastasia Denisova. (2021). Fashion Media and Sustainability [Review of Fashion Media and Sustainability]. University of Westminster Press. [www.jstor.org/stable/j.ctv1kmj7g8.5](http://www.jstor.org/stable/j.ctv1kmj7g8.5)
- Karis Foster. (2020). Fashion Editorial Styling Showcasing a Sustainability Narrative: An Inter-Disciplinary Approach [Review of Fashion Editorial Styling Showcasing a Sustainability Narrative: An Inter-Disciplinary Approach]. <https://itaaonline.org>.
- Thomas, P.W.(2014). *Theories Of Fashion Costume And Fashion History*.
- Sloman, P. (2013). New fashion photography. Prestel.
- Vilém Flusser. (2000). Towards a philosophy of photography. Reaktion.
- Markow, P. (1999). Professional secrets of advertising photography. Amherst Media.
- Dingemans, J. (1999). Mastering Fashion styling. Macmillan Education UK : Imprint : Palgrave.
- Kumar, A. (2008). Visual Communication. Global India Publications.
- AÇIKGÖZY. (2021). The Impact Of Advertising And Promotional Photography On Society [Review of The Impact Of Advertising And Promotional Photography On Society]. International Journal of Social Sciences, 5, 17–38.
- (2022, July 22). Anna Wintour's Fashion Photography Tips [Review of Anna Wintour's Fashion Photography Tips]. MasterClass. <https://www.masterclass.com/articles/anna-wintours-fashion-photography-tips>
- Ibrahim, M. I. (n.d.). Penjawat awam boleh pakai batik setiap hari bekerja [Review of Penjawat awam boleh pakai batik setiap hari bekerja]. BH (Berita Harian). Retrieved August 22, 2023, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional>
- Bamford, A. (2003). The Visual Literacy White Paper. Retrieved November 19, 2011 [http://www.adobe.com/uk/education/pdf/a\\_dobe\\_visual\\_literacy\\_paper.pdf](http://www.adobe.com/uk/education/pdf/a_dobe_visual_literacy_paper.pdf)
- Founder & Chairman. (n.d.). IFF. Retrieved October 24, 2023, from <https://www.islamicfashionfestival.com.my/founder-chairman/>
- Wells, L. (2021). Photography. <https://doi.org/10.4324/9780429274183>
- Karen de Perthuis. (2019). Fashion's Image. 253–274. <https://doi.org/10.1002/9781118598764.ch15>
- Moriarty, S. (1994). Visual Communication As A Primary System. Journal of Visual Literacy, 14(2), 11–21. <https://doi.org/10.1080/23796529.1994.11674493>